

BAB KEDUA

INSTITUSI-INSTITUSI DAKWAH PERLIS

BAB KE DUA

INSTITUSI- INSTITUSI ISLAM DI NEGERI PERLIS

2.0. PENDAHULUAN

Bab ini dimulakan dengan membicarakan tentang perkembangan Islam di Negeri Perlis di mana ianya di mulakan dengan menyentuh tentang sejarah kewujudan Negeri Perlis serta sejarah kedatangan Islam ke Perlis dan bagaimana ia berkembang. Seterusnya penulis mengemukakan sejarah penubuhan institusi institusi Islam di Perlis.

2.1. PENGENALAN NEGERI PERLIS

i) Kedudukan Geografi

Perlis sebuah negeri yang terletak di Utara Semenanjung Tanah Melayu. Ianya bersempadan dengan Thailand di sebelah utara iaitu wilayah Satun, di timur dan selatan adalah Negeri Kedah iaitu Daerah Kubang Pasu. Manakala di sebelah barat Selat Melaka. Keluasannya meliputi 810 km persegi. Panjangnya ialah 51 km dan lebarnya 24 km .¹

¹ Mohd Roselan Abdul Malik (1999) , *Kesan Sejarah dan Tempat-tempat menarik di Perlis*. Kuala Lumpur : Oscar, Book Internasional, hlm. 5 . Lihat juga *Album Diraja Sempena Sambutan Jubli Emas DYMM Tuanku Syed Putra Raja Perlis tahun 1995*. Terbitan Kerajaan Negeri Perlis dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis , hlm. 7 .

ii) Sejarah Negeri Perlis

Sejarah telah mencatatkan bahawa Negeri Perlis berada di bawah naungan Negeri Kedah sehingga tahun 1821. Walau bagaimanapun bukti-bukti yang terdapat di Bukit Tengku Lembu di Berseri menunjukkan bahawa Negeri Perlis telah wujud sebelum ianya menjadi sebahagian dari Negeri Kedah. Kehidupan masyarakat yang mendiami Negeri Perlis pada ketika itu dipengaruhi oleh Sultan Kedah .²

Mengikut catatan sejarah pada tahun 1148 H bersamaan 1735 M Negeri Perlis didatang seorang berbangsa Arab yang bernama Syed Ahmad Ibni Syed Husain Jamal al-Lail dari Hadramaut di Yaman . Syed Ahmad telah datang ke Negeri Kedah dan berkahwin dengan salah seorang kerabat diraja Kedah dan mendapat seorang anak yang bernama Syed Harun Jamal al-Lail .³

Syed Harun Jamal al-Lail telah berkahwin dengan Tunku Safiah iaitu puteri kepada Sultan Dhiyauddin iaitu pemangku Raja Kedah pada masa itu. Pada tahun 1797 Sultan Dhiyauddin telah menyerahkan Mukim Arau kepada Syed Harun Jamal al-Lail dan beliau dilantik sebagai penghulu Arau yang pertama .⁴

Selepas Syed Harun Jamal al-Lail meninggal dunia , Syed Husin anak Syed Harun Jamal al-Lail telah ditabalkan oleh Raja Siam sebagai Raja Perlis yang pertama . Pada tahun 1909 Kerajaan Siam telah menyerahkan Perlis ,

² Ahmad Ismail & Yazid bin Mat (1992) , *Perlis Indera Kayangan . Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat* . Perlis : Perbadanan Pustaka Awam Negeri Perlis , hlm. 5.

³ Haji Buyong Adil (1981) , *Sejarah Perlis* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , hlm. 4

⁴ Husain Baba bin Muhammad (1969) , *Sejarah Negeri dan Raja-raja Perlis* , JMBRAS , Vol. IV , Part 2 . hlm. 174 .

Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada pihak Inggeris dan pada tahun 1930 Raja Perlis telah menerima seorang penasihat Inggeris.⁵ Dari situlah bermulanya sebuah Negeri Perlis yang berdaulat selepas mendapat pengiktirafan dari kerajaan Siam dan orang-orang Inggeris pada ketika itu.⁶

iii) Penduduk Perlis

Berdasarkan laporan bancian penduduk tahun 1998, Negeri Perlis mempunyai penduduk berjumlah 220,800 orang atau 1 peratus daripada bilangan keseluruhan penduduk Malaysia iaitu 22,179,500 orang. Mengikut pecahan jantina, 49.7% lelaki dan 50.3% perempuan. Unjuran pertambahan penduduk di Negeri Perlis akan meningkat kepada 230,000 pada 2000. Dari sudut pecahan komposisi kaum, 79 peratus adalah kaum Melayu diikuti kaum Cina iaitu sebanyak 15 peratus, kaum India sebanyak 3 peratus dan selebihnya kaum lain seperti Siam dan Punjabi. Daripada jumlah penduduk Negeri Perlis seramai 220,800 orang, masyarakat Islam sebanyak 180,600 orang atau sebanyak 82.3 peratus dari penduduk Negeri Perlis dan selebihnya iaitu 40,200 orang yang mewakili masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis iaitu sebanyak 17.7 peratus yang mewakili agama lain seperti agama Kristian, Budha dan Hindu.⁷

⁵ Zahari Haji Adam (1984), *Zaman Peralihan di Perlis 1909–1980*, Kho Kay Kim (ed.), *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 66–67.

⁶ Ahmad Ismail & Yazid bin Mat (1992), *op.cit.*, hlm. 25.

⁷ Sumber: Disesuaikan Daripada Jabatan Perangkaan (1997) Bank Data Negeri/Daerah Malaysia, 1997, Kuala Lumpur: 54. Lihat juga *Laporan Penduduk Negeri Perlis. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991*, Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur, 1995.

2.2. SEJARAH KEDATANGAN ISLAM KE NEGERI PERLIS DAN PERKEMBANGANNYA .

Agama Islam mula bertapak di Kepulauan Melayu sejak beratus –ratus tahun yang lampau. Ia berkembang dengan cepat di Kepulauan Melayu lebih-lebih lagi di Utara Sumatera sudah terdapat kerajaan Islam di sana, antaranya Kerajaan Perlak yang diasaskan pada tahun 225 H (880 M).⁸ Dengan adanya sebuah kerajaan Islam pada masa itu sudah tentu wujudnya perhubungan yang melibatkan perhubungan perdagangan mahupun perhubungan politik dengan kawasan berdekatan dengannya.

i) Islam Bertapak di Negeri Perlis

Sejarah kedatangan Islam ke Negeri Perlis boleh dikaitkan dengan kedatangan Islam ke Negeri Kedah memandangkan Negeri Perlis pernah menjadi wilayah jajahan Negeri Kedah. Pada masa itu Perlis diperintah oleh Raja Negeri Kedah. Beberapa orang ahli sejarah mencatatkan Negeri Kedah adalah negeri Melayu pertama didiami oleh orang Islam iaitu saudagar-saudagar dari negara-negara Arab seperti Yaman, begitu juga saudagar dari Parsi dan saudagar dari Benua India. Mereka datang ke Kedah sejak kurun ke

⁸ Wan Hussein Azmi (1980) , *Islam di Malaysia : Kedatangan dan Perkembangan Abad ke 7 – 20* , Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia , hlm . 8-12 . Cabutan dari M. Yunus Djamil (1968) , *Silsilah Tawarich Radja 2 Keradjaan Adjeh* , Bahan Stensil . hlm 4 . Lihat juga A . Hasjmy (ed) , *Sejarah Masuk dan Berkembangannya Islam di Indonesia* , Bandung : Al- Ma'arif , hlm. 157 – 158 .

9 M samada untuk tujuan perniagaan mahupun untuk mengembangkan agama Islam.⁹

Terdapat sebuah batu nisan yang ditemui pada tahun 1965 M di Tanjung Ingggeris, Kedah bertulis : Syeikh ‘Abd al-Qadīr Ibn Husein Shah Alam¹⁰ bertarikh 291 H / 903 M¹¹. Berdasarkan pada tarikh tersebut membuktikan Islam telah bertapak dalam jangka masa yang agak lama di Asia Tenggara. Penulis sejarah telah mencatatkan Negeri Kedah pernah menjadi pelabuhan persinggahan antara pedagang Asia Barat dengan pedagang Negara Cina. Ini menyebabkan ramai pedagang Islam singgah di Kedah.¹² Tambahan pula orang-orang Arab dan juga orang-orang Parsi ialah masyarakat yang suka merantau dalam bentuk kumpulan perniagaan sejak zaman sebelum muncul Islam lagi, dengan itu sebagai pedagang mereka dapat menyebarkan Islam kepada masyarakat tempatan di tempat yang mereka singgah.¹³

Setengah ahli sejarah berpendapat Islam mula bertapak di Negeri Kedah pada tahun 531H \ 1136 M di mana agama Islam di bawa oleh Syeikh Abdullah bin Tuan Syeikh Jaafar al-Qumairi yang datang dari Negara Yaman.¹⁴

⁹ Wan Hussein Azmi Wan Abdul Qadir (1974), *al-Da‘wah al-Islāmiyyah Fi Janāb Syarqi Asia Munzu Zuhūriha Ila al-‘Asr al-Hādīr*. Tesis Ph.D. Universiti al-Azhar, Mesir, hlm. 93-95
Lihat juga Wan Hussein Azmi (1980), *Islam di Malaysia : Kedatangan dan Perkembangan Abad ke 7 – 20, Tamaddun Islam di Malaysia, op.cit.* hlm. 12-20.

¹⁰ Syeikh Abd al-Qadir merupakan salah seorang pendakwah dari negara Arab yang datang ke sebelah Timur untuk menyebarkan Islam.

¹¹ Wan Hussein Azmi Wan Abdul Qadir (1974), *al-Da‘wah al-Islāmiyyah Fi Janāb Syarqi Asia Munzu Zuhūriha Ila al-‘Asr al-Hādīr, op.cit.*, Cabutan dari *Majalah Mastika (Jawi)* Bil. 10 Tahun 1965, hlm. 34.

¹² Abdul Rahman Hj. Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 35. Cabutan dari Yahya Abu Bakar, *Kedah dan Perdagangan Tradisi di Asia Abad ke 7 Hingga Awal ke 16 M*. Kertas Kerja di Konvensyen Sejarah Negeri Kedah 28 November - 1 Desember 1981.

¹³ *Ibid*, *op.cit.*, hlm. 24. Cabutan dari Ismail Hamid (1983), *The Malay Islamic Hikayat*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 13.

¹⁴ Siti Hawa Salleh (1964), *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. IV.

Raja Kedah yang pertama memeluk Islam ialah Seri Paduka Maharaja Derbar. Beliau tertarik kepada Islam dan memeluknya selepas mendengar ajaran Islam dari Tuan Syeikh Abdullah. Beliau menukar namanya kepada Sultan Muzaffar Shah. Pengislamannya telah diikuti oleh semua pembesar serta orang-orang Melayu Kedah pada masa itu .¹⁵

Kesimpulannya kedatangan Islam ke Negeri Perlis boleh dikatakan bersamaan dengan kedatangan Islam ke Negeri Kedah. Perkembangan Islam di Negeri Perlis boleh juga dikaitkan dengan Negara Thailand memandangkan hubungan antara Kerajaan Kedah dengan raja-raja Islam Pattani di Selatan Thailand pada masa itu yang lebih dikenali sebagai Siam di samping Negeri Perlis bersempadan dengan wilayah-wilayah di selatan Thailand

ii) Faktor-faktor Perkembangan Islam di Negeri Perlis

Menurut Pendapat Dr. Ismail Hamid para pedagang memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam di Kepulauan Melayu, ini kerana masyarakat tempatan memandang tinggi kepada mereka yang dianggap sebagai hartawan. Mereka juga bijak menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat tempatan . Semua ini memudahkan Islam tersebar di Kepulauan Melayu .¹⁶

¹⁵ Muhammad Hasan (1968) , *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 26. Lihat juga Haji Buyong Adil (1980) , *Sejarah Kedah* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , hlm. 7.

¹⁶ Dr. Ismail Hamid (1986), *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu* , Kuala Lumpur : Heinemann Malaysia Sdn. Bhd , hlm. 156.

Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah ajaran Islam terus diamalkan di kalangan masyarakat Melayu walaupun Tanah Melayu dijajah oleh Portugis, Belanda dan British. Mereka tidak mengganggu amalan agama dan kegiatan dakwah Islam di kalangan masyarakat Islam. Begitu juga semasa Tanah Melayu di bawah pemerintahan Jepun, ajaran Islam terus diamalkan tanpa ada sekatan kerana dasar Jepun juga tidak mencampuri urusan agama.¹⁷

Sejak zaman sebelum merdeka lagi kegiatan dakwah Islam banyak ditumpukan kepada masyarakat Melayu sahaja. Kemunculan sekolah-sekolah agama dan pondok-pondok pengajian ilmu sebagai alat menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat Islam. Peranan ini dilakukan secara khusus oleh ulama-ulama tempatan yang pulang dari menuntut ilmu di negara-negara Timur Tengah samada dari Universiti al-Azhar mahupun yang menuntut di Mekah.¹⁸ Pada masa itu belum muncul lagi institusi Islam yang bergerak atas nama dakwah secara khusus kepada masyarakat bukan Islam. Walau bagaimanapun golongan ulama khususnya yang balik dari pengajian mereka di Timur Tengah seperti dari Universiti al-Azhar dilihat berperanan dalam usaha menyebarkan fahaman Islam di kalangan umat Islam melalui penubuhan sekolah-sekolah agama dan pondok-pondok bagi menentang gerakan Kristianisasi dan fahaman Sekular yang dibawa oleh penjajah Inggeris pada masa itu.¹⁹

¹⁷ Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Gerakan Islah di Perlis ; Sejarah dan Pemikiran* . Kuala Lumpur : Penerbitan Pena Sdn Bhd , hlm. 20 .

¹⁸ Wan Hussein Azmi (1980), *Islam di Malaysia : Kedatangan dan Perkembangan Abad ke 7 – 20* . *op.cit.* hlm. 16.

¹⁹ Sidiq Fadil (1987), *Gerakan Islam di Malaysia . Satu Tinjauan Sepintas Lalu* . Jurnal Malaysia Masa Kini, Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 125 . Lihat juga Sidiq Fadil , *Kebangkitan Umat – Kenyataan dan Harapan* . Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah, hlm. 15

Kedatangan Islam ke Negeri Perlis membawa kepada pengislaman masyarakat Melayu. Ianya diterima sepenuhnya oleh masyarakat Melayu sebagaimana di kepulauan Melayu lain di Nusantara, hampir kesemua orang-orang Melayu di kepulauan Melayu ketika itu memeluk Islam.

Pada awal kurun ke 18 Tanah Melayu mula didatangi oleh orang-orang Cina dan India dengan jumlah yang banyak. Sejarah telah mencatatkan bahawa pedagang- pedagang Cina dan India sudah biasa datang ke Tanah Melayu sebelum kedatangan Inggeris lagi disebabkan adanya hubungan perdagangan yang sekian lama antara pedagang dari Benua India dengan Negara Cina .²⁰

Semasa penjajahan Inggeris di Tanah Melayu jumlah orang-orang Cina dan India telah bertambah berlipat ganda. Ini disebabkan Tanah Melayu mempunyai sumber ekonomi seperti bijih timah selepas penemuan bijih timah oleh Long Ghafar di Larut, Perak dan pembukaan ladang-ladang getah, kopi dan tebu di Pulau Pinang dan Seberang Prai. Selepas merdeka mereka telah menjadi penduduk tetap di Malaysia sehingga ke hari ini dan mendiami hampir setiap pelusuk Malaysia termasuk di Negeri Perlis. Mereka mengekalkan identiti masing-masing dan mengamalkan adat resam dan kepercayaan agama masing-masing.²¹ Kedatangan orang-orang Cina dan India ini membuka ruang untuk gerakan dakwah namun pada masa itu gerakan dakwah kepada bukan Islam tidak menonjol.

²⁰ Fuziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin (2000), *Sejarah Malaysia* . Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti, hlm. 258 – 259 .

²¹ *Ibid* . hlm 259 . Lihat Juga D.J.M. Tate (1981), *Sejarah Pembentukan Asia Tenggara*, Shah Alam : Fajar Bakti, hlm. 195-198 .

Perkembangan dakwah Islam khusus untuk masyarakat bukan Islam di Malaysia tidak berjalan dengan sempurna, Justeru itu Islam tidak berkembang di kalangan bukan Islam. Demikian juga dengan kegiatan dakwah di Negeri Perlis yang mana ia hanya tertumpu kepada masyarakat Islam sahaja di mana munculnya tokoh-tokoh ulama dan penubuhan sekolah-sekolah agama di seluruh Negeri Perlis khusus untuk menyebarkan ajaran Islam di kalangan umat Islam.

Institusi pondok di Negeri Perlis berkembang pesat sekitar tahun 1920 an hingga 1960 an. Terdapat lima buah pondok di Negeri Perlis pada ketika itu. Selepas penubuhan Sekolah Agama al-Alawiyah ad-Diniyah di Arau, institusi pondok hilang peranannya kerana ibubapa mula berminat menghantar anak mereka ke sekolah tersebut.²² Penubuhan sekolah ini oleh Baitul Mal Negeri Perlis pada tahun 1925 dalam masa pemerintahan Raja Syed Saffi bertujuan melahirkan umat Islam yang berpegang dengan ajaran Islam dan ulama yang berperanan sebagai pendakwah dalam memerangi perkara *bid'ah* dalam masyarakat.²³

Gerakan pembaharuan Islam yang menonjol di Negeri Perlis dikenali sebagai Gerakan Islah. Gerakan ini lihat sebagai pengerak utama dakwah dikalangan masyarakat Islam terutamanya dalam memerangi amalan *bid'ah* dan mengembalikan umat Islam kepada ajaran Islam yang sebenarnya.²⁴ Walau bagaimanapun gerakan ini hanya tertumpu kepada masyarakat Islam .

²² Ramli Ismail , *Peranan Pondok dan Pengajiannya di Perlis* . Jurnal Warisan Indera Kayangan , bil. 6 tahun 1994 .

²³ Ramli Ismail , *Sejarah Penubuhan Sekolah Al- Alawiyah Addiniyah Arau* . Jurnal Warisan Indera Kayangan , bil . 2 tahun 1990 .

²⁴ Abdul Rahman bin Hj. Abdullah (1989) , *Gerakan Islah di Perlis ; Sejarah dan Pemikiran op.cit.* , hlm . 25 - 29 .

Terdapat beberapa faktor yang memungkinkan perkara ini berlaku antaranya ;

- **Pertama** : Kesedaran di kalangan umat Islam tentang kepentingan dakwah belum menyeluruh .
- **Kedua** : Hanya segelintir sahaja yang memahami tugas dakwah kepada bukan Islam adalah tanggungjawab bersama .
- **Ketiga** : Kesibukan tokoh-tokoh ulama dalam mendidik dan memberi pengetahuan Islam kepada masyarakat Islam itu sendiri sehingga mereka tidak mempunyai masa untuk mencebur diri secara langsung dalam kegiatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam .²⁵
- **Keempat** : Pada masa itu tidak terdapat pertubuhan dakwah yang bergerak khusus dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam
- **Kelima** : Tidak ada sokongan dan bantuan dari pihak agensi kerajaan dalam aktiviti dakwah khususnya kepada masyarakat bukan Islam .²⁶

Akibat dari aktiviti dakwah di Perlis yang tidak berjalan sebagaimana yang sepatutnya menyebabkan tidak ramai dari kalangan masyarakat bukan Islam di Perlis memeluk Islam, meskipun ada daripada mereka yang memeluk Islam ianya bukan melalui gerakan dakwah tetapi melalui daya

²⁵ Temubual dengan Sahibul Samahah Datuk Alim Panglima Haji Mat Jaya bin Husain *Mufti Kerajaan Negeri Perlis* pada 23 Julai 2001 jam 3.00 petang di pejabatnya.

²⁶ *Ibid* . Temubual dengan Tuan Haji Shukri bin Haji Husain, *Setiasaha Sulit DYMM Raja Perlis* di Pejabatnya pada 14 Ogos 2001 jam 2.15 petang. Beliau juga bekas Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis dari tahun 1995-1998.

usaha dan kesedaran mereka sendiri, kebanyakan mereka memeluk Islam melalui jalan perkahwinan dengan masyarakat Islam . Mengikut perangkaan hampir 80 peratus yang memeluk Islam di Negeri Perlis melalui jalan perkahwinan, dari jumlah tersebut pula hampir 80 peratus ialah dari kalangan masyarakat Thailand . ²⁷

Ramai penduduk Thailand yang berketurunan Melayu dan beragama Islam memasuki Negeri Perlis dan menetap di sini. Mereka ini kebanyakannya datang dari wilayah Satun, Songkla dan Pattani. ²⁸ Selain itu terdapat juga penduduk Negeri Perlis yang berketurunan Thailand menetap di Perlis kerana Perlis pernah di bawah pemerintahan Thailand terutamanya pada zaman pemerintahan Jepun. ²⁹

Melihat kepada gerakan dakwah yang berlaku kepada masyarakat bukan Islam di Perlis sebelum merdeka, boleh dibuat kesimpulan bahawa ianya berjalan dengan begitu perlahan. Walaupun penduduk Islam mewakili hampir 83 peratus penduduk Negeri Perlis, namun mereka tidak mampu melaksanakan tuntutan dakwah. ³⁰ Ini dapat dilihat dari tahun 1970 –1998 mengikut lapuran PERKIM jumlah orang bukan Islam yang memeluk Islam hanya seramai 761 orang sahaja . ³¹

²⁷ Temu bual dengan Ust. Saimah binti Mukhtar, Pen. Peng. Dakwah, Unit Dakwah, Jabatan Agama Islam Perlis pada 24 Julai 2001 di pejabatnya .

²⁸ Golongan ini di kenali dengan nama Orang Samsam iaitu orang-orang yang berketurunan Melayu berasal dari Thailand dan bertutur harian dalam bahasa Thailand .

²⁹ Temubual dengan Tuan Haji Shukri bin Haji Husain, *op.cit.*

³⁰ Temubual dengan Ustazah. Saimah binti Mukhtar , *op. cit.*

³¹ Lapuran Tahunan dan Mesyuarat Agung PERKIM Negeri Perlis tahun 1999 .

2.3. INSTITUSI DAKWAH ISLAMIAH DI NEGERI PERLIS DAN KEGIATANNYA

Kegiatan dakwah Islamiyah di Perlis lebih menonjol di kalangan masyarakat Islam berbanding aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Ini diakui oleh para pendakwah yang menjalankan kegiatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Banyak faktor yang menghalang aktiviti dakwah ini dijalankan secara aktif, ia berpunca samada halangan dalaman iaitu kelemahan umat Islam mahupun halangan luaran .

Menurut Ustazah Saimah binti Mukhtar antara faktor yang menyebabkan kegiatan dakwah kepada bukan Islam tidak dijalankan secara aktif ialah :

- **Pertama** : Masyarakat Islam pada masa itu tidak begitu mengambil berat dengan soal-soal penyebaran Islam di kalangan masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis .
- **Kedua** : Kegiatan dakwah hanya ditumpukan kepada masyarakat Islam sahaja dalam bentuk ceramah atau penyebaran risalah .³²

Di Negeri Perlis pertubuhan Islam yang terlibat dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian .

- **Pertama** : Institusi Islam yang terlibat secara langsung dengan dakwah kepada bukan Islam.
- **Kedua** : Institusi Islam yang tidak terlibat secara langsung tetapi lebih menumpukan kegiatan dakwah kepada orang-orang Islam sahaja .

³² Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit*.

Menurut Ustazah Saimah lagi institusi Islam yang terlibat secara langsung dengan dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis ialah Jabatan Agama Islam Perlis atau JAIPS dan PERKIM Cawangan Perlis. Walau bagaimanapun aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam hanya sebahagian kecil daripada aktiviti tahunan Jabatan Agama Islam Perlis, berbanding dengan PERKIM di mana aktiviti dakwah terhadap masyarakat bukan Islam adalah salah satu daripada aktiviti utama di samping fokusnya menjaga kebajikan saudara-saudara baru. Sementara Institusi Islam lain samada yang tidak berdaftar seperti Jemaah Tabligh mahupun yang berdaftar seperti Persatuan Islah Negeri Perlis, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Parti Islam seMalaysia (PAS) semuanya lebih kepada aktiviti yang berpusatkan kepada masyarakat Islam sahaja. Kalau ada pun ianya bukan aktiviti yang dilakukan oleh institusi tersebut tetapi hanyalah aktiviti bercorak individu yang dilakukan oleh ahli-ahli yang bernaung di bawah institusi tersebut. Perkara ini berterusan sejak ianya ditubuhkan lagi hinggalah sekarang.³³

Pada keseluruhannya gerakan dakwah di Negeri Perlis lebih banyak memberi penekanan kepada orang-orang Islam sahaja. Dalam semua aktiviti dakwah yang disusun hampir kesemuanya menjuruskan kepada pembentukan sahsiah masyarakat Islam itu sendiri dan bermatlamat menjadikan umat Islam sebagai umat contoh kepada masyarakat bukan Islam.³⁴ Antara institusi Islam yang dalam aktiviti dakwah di Perlis ialah :

³³ Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit.*

³⁴ Temubual dengan Datuk Alim Panglima Tuan Haji Mat Jaya bin Husain, *op.cit.*

2.3.1. JEMAAH TABLIGH

Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah Jemaah Tabligh ialah jemaah yang bergerak berlandaskan fahaman amalan tradisional di mana institusi ini pada dasarnya mementingkan kelebihan amalan atau *fada'il al-a'mal* terutama yang melibatkan rukun Islam seperti solat berjemaah. Institusi ini dilihat tidak begitu menerima setiap perubahan yang berlaku dalam arus perjalanan dakwah pada masa sekarang .³⁵

Jemaah Tabligh ialah sebuah institusi dakwah yang tidak berdaftar . Jemaah ini berasal dari India . Ia diasaskan oleh seorang ulama dari India iaitu Maulana Ilyas³⁶ (1885 – 1944M). Beliau memulakan gerakan dakwah ini seorang diri dan kemudian mengembangkannya ke Mewat sebuah kampung kecil di negeri Uttar Pradesh , India . di tempat ini ianya berkembang dengan pesat setelah mendapat sambutan dari penduduknya yang rata-rata adalah tidak berpendidikan tinggi dan miskin. Apabila ia mula berkembang aktiviti dakwahnya mula dibawa ke Masjid Bangle Wali, Nizamuddin, New Delhi sehinggalah sekarang .³⁷

³⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia : Sejarah dan Aliran* , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Pusat Pendidikan Jarak Jauh , USM , Pulau Pinang , hlm. 6 .

³⁶ Maulana Muhammad Ilyas adalah salah seorang ulama terkenal di India. Beliau memulakan aktiviti dakwahnya bila melihat kelemahan umat Islam dalam aspek pegangan akidah dan amalan ibadat. Kesibukannya dalam aktiviti dakwah menyebabkan beliau tidak banyak mengarang buku-buku tetapi anak-anaknya telah mengarang buku-buku antaranya Maulana Muhammad Yusof al-Kandahlawi yang mengarang *Kitab Hayat al-Sahabah*.

³⁷ Muhammad Ghazali (1982), *Pergerakan Tabligh Jama'at di Kuala Lumpur ; Kajian Khusus mengenai Corak Pemikiran, Organisasi dan Teknik Kerja*, Kertas Projek Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Malaya, hlm. 34 . Lihat juga Abdul Rahman Haji Abdullah (1998) , *op.cit.* hlm. 90 .

Menurut Abdul Rahman Abdullah fahaman Jemaah ini dibawa keseluruhan dunia samada ke negara Islam mahupun ke negara bukan Islam. Pada awal tahun 50 an gerakan ini mula di sebarkan di Malaysia, tetapi ia hanya terbatas kepada masyarakat India Muslim sahaja terutamanya sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Namun selepas diadakan satu ijtimak pada 30 Jun 1972 di Kuala Lumpur, fahaman Jemaah Tabligh mula diterima oleh masyarakat Melayu Islam dan bertapak di kawasan Utara Malaysia berpusat di Madrasah Manabi' al-'Ulum di Penanti, Seberang Prai di pelopori oleh mudirnya Haji Salleh bin Syeikh Uthman Jalaluddin.³⁸ Dari situlah ia mula berkembang ke kawasan Utara hinggalah sampai ke Negeri Perlis dan bertapak di sana .

Oleh kerana institusi ini tidak berdaftar, maka lapuran tentang bilangan ahli dan kegiatannya tidak dapat diketahui secara terperinci kecuali dengan menemubual pemimpin institusi ini. Menurut Ustaz Hasan Muhammad semua aktiviti dakwah yang dijalankan oleh ahli-ahli jemaah Tabligh adalah sama di mana pendekatan dakwahnya serupa dengan mana-mana tempat di seluruh dunia kerana setiap aktiviti dakwah yang dilakukan oleh ahli-ahli tabligh berpandukan kepada nasihat dan panduan dari para pimpinan jemaah ini dari masjid Nizamudin di India.³⁹

³⁸ Abdul Rahman bin Haji Abdullah (1998), *op.cit.* hlm. 93 . Lihat juga Mohd Zain bin Husin (1985) , *Pergerakan Jamaah Tabligh di Malaysia : Penekanan Khusus kepada Metod Penyampaian Dakwah*, Latihan ilmiah , Fakulti Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia , hlm. 45

³⁹ Temubual dengan Ustaz Hasan bin Muhammad, Salah seorang Ahli Syura Jemaah Tabligh Malaysia yang menetap di Kelantan. Temubual ini dilakukan di Markaz dakwah Dusun Raja, Kota Bharu dan juga di rumahnya di Berek Dua Belas, Kota Bharu, Kelantan pada 2 November 2000 dan juga temubual dengan Tuan Haji Ahmad bin Said Ahli Syura Jemaah Tabligh Malaysia yang bertugas sebagai Pengarah Yayasan Islam Perlis di rumahnya di Arau, Perlis pada 20 November 2000 jam 10.00pagi . Kedua-dua pemimpin tersebut adalah kenalan kepada penulis.

Dalam konteks dakwah Islamiyyah institusi ini hanya menumpukan kegiatan mereka dengan mengajak umat Islam mengamalkan sunnah yang berkaitan dengan adab-adab Islam dan *Enam Prinsip Tabligh* yang menjadi perkara asas jemaah ini. Enam Prinsip Tabligh ini ialah :

- **Pertama** : Yakin kepada kalimah syahadah dan menyakini hanya cara hidup Rasulullah s.a.w. sebagai cara hidup yang membawa kejayaan kepada manusia di dunia dan akhirat .
- **Kedua** : Solat yang khusuk dan Khudu' iaitu membawa keluar segala amalan dalam solat untuk diamalkan dalam kehidupan seharian .
- **Ketiga** : Ilmu dan zikir iaitu mengetahui segala perintah Allah S.W.T. dan mengamalkannya dan zikir pula ialah mengingati Allah S.W.T. pada setiap masa .
- **Keempat** Ikram muslimin iaitu menunaikan hak terhadap saudara seagama tanpa menuntut hak darinya .
- **Kelima** Ikhlas niat iaitu melakukan sesuatu amalan kerana Allah S.W.T. semata-mata .
- **Keenam** : Mujahadah di jalan Allah S.W.T. iaitu mengorbankan diri, masa dan harta benda di jalan Allah S.W.T. ⁴⁰

Enam Prinsip Tabligh menjadi bahan utama yang dipelajari dan dibincangkan oleh ahli jemaah sepanjang mereka keluar berdakwah samada tiga hari, empat puluh hari ataupun empat bulan. ⁴¹

⁴⁰ Maulana Ashiq Elahi(1979) , *Enam Prinsip Tabligh* , Terjemahan H.M. Ya'qoob Ansari . Pulau Pinang , hlm. 1-6 .

⁴¹ Temubual dengan Ustaz Hasan bin Mohamad dan Tuan Haji Ahmad Said , *op.cit.* Lihat juga Maulana Ashiq Elahi , *op. cit.* , hlm. 12-20 .

Bagi mencapai tujuan dakwah kepada masyarakat bukan Islam menurut Ustaz Ahmad Said jemaah ini telah memberi tumpuan utama kepada memperbaiki masyarakat Islam terlebih dahulu supaya diri mereka menghayati ajaran Islam dengan sebenarnya. Dengan cara itu masyarakat bukan Islam tertarik dengan ajaran Islam dan ini memudahkan mereka mendekati Islam seterusnya memeluk agama Islam .⁴²

Menurut Ustaz Ibrahim Syaari semenjak Jemaah Tabligh mula bertapak di Negeri Perlis hingga kini aktiviti dakwahnya tidak banyak berubah di mana dakwahnya hanya kepada masyarakat Islam sahaja. Penampilan akhlak dan amalan yang mulia itu sendiri sebagai dakwah yang paling berkesan dalam mendakwah dan menarik masyarakat bukan Islam kepada Islam, lantaran itu setiap aktiviti dakwah yang dijalankan di Negeri Perlis dijalankan di kalangan masyarakat Islam sahaja, kalau adapun dakwah kepada bukan Islam itu hanya bersifat amalan peribadi di kalangan ahli jemaah .⁴³

Kalau ditinjau dari segi pendekatan dakwah Jemaah Tabligh kepada masyarakat Islam di Negeri Perlis, kita dapati jemaah ini memberi penumpuan kepada soal-soal pembersihan jiwa dan penampilan diri sebagai seorang muslim yang sebenarnya samada dari segi pakaian, amalan seharian dan cara hidup seharian. Dengan ini masyarakat bukan Islam akan dapat melihat cara hidup Islam yang sebenarnya sebagaimana yang di amalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya .⁴⁴

⁴² Temubual dengan Tuan Haji Ahmad bin Said , *op.cit.*

⁴³ Temubual dengan Ustaz Ibrahim bin Syaari di rumahnya di Arau pada 22 Disember 2001 jam 3 40 petang . Beliau merupakan salah seorang *Ahli Syura Jemaah Tabligh di Negeri Perlis* yang telah berkecimpung dalam Jemaah ini semenjak Tabligh mula masuk ke Perlis .

⁴⁴ *Ibid* .

Aktiviti Dakwah Jemaah Tabligh

Jemaah Tabligh banyak menjalankan aktiviti –aktiviti yang melibatkan orang Islam, misalnya amalan keluar ke masjid-masjid dalam bentuk kumpulan antara 7 - 20 orang dan mereka berkumpul di masjid atau surau selama 2 atau 3 hari . Sepanjang masa itu mereka hanya menjalankan aktiviti dakwah mereka hanya kepada umat Islam sahaja .⁴⁵

Kegiatan dakwah jemaah ini di Negeri Perlis sama dengan aktiviti yang dijalankan oleh setiap Jemaah Tabligh di seluruh dunia. Individu bukan Islam yang ingin memeluk Islam, individu itu akan di ajak bersama melakukan aktiviti dakwah sama sebagaimana yang dilakukan oleh jemaah ini . Salah satu dari amalan penting yang diambil berat oleh jemaah ini ialah amalan ziarah atau disebut *Ghast* yang berasal dari bahasa Urdu. Amalan ini ialah berkunjung dari satu rumah ke satu rumah yang lain untuk mengajak ahli rumah yang diziarahi itu datang ke masjid menyertai program jemaah ini. Amalan ziarah dilakukan pada setiap hari ketika jemaah ini keluar dalam bentuk rombongan samada 3 hari atau 40 hari. Aktiviti ziarah ini juga dilakukan pada setiap masa apabila anggota jemaah ini pulang ke rumah masing-masing . Amalan ziarah ini dianggap sebagai tulang belakang dakwah . Setiap ahli jemaah dipastikan agar sentiasa menjaga amalan ziarah ini .⁴⁶

⁴⁵ H. Furqan Ahmad Ansari (ed.) **Bagaimana Kita Bertabligh?** , Percetakan H.M. Ya'qoob Ansari (t.t) , Pulau Pinang , hlm.119-141 . Temubual dengan Tuan Haji Ahmad bin Said , *op.cit.*

⁴⁶ Temubual dengan Tuan Haji Ahmad bin Said , *op.cit.*

2.3.2. PERSATUAN ISLAH PERLIS .

Menurut Abdul Rahman bin Haji Abdullah sebelum kemunculan gerakan pembaharuan agama yang dipelopori oleh tokoh-tokoh yang tidak berpegang dengan fahaman bermazhab, Negeri Perlis juga sama seperti negeri-negeri lain di Malaysia berpegang dengan fahaman mazhab Shafie, fahaman mazhab Shafie sudah lama bertapak di Perlis sejak Islam mula bertapak di Tanah Melayu. Tambahan pula raja-raja yang memerintah Negeri Perlis pula adalah penyokong kuat kepada fahaman mazhab Shafie. Ini kerana mereka berketurunan Syed yang berasal dari Hadramaut di Yaman .⁴⁷

Fahaman baru ini bertujuan menyeru umat Islam supaya berpegang dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa merujuk kepada pendapat dari kalangan ulama-ulama mazhab , Gerakan fahaman ini di kenali sebagai Gerakan Islah. Gerakan ini di Perlis muncul pada awal tahun 20 an. Tokoh yang dianggap mula-mula sekali memelopori gerakan ini ialah Lebai Kecil dari Indonesia diikuti oleh Syed Ibrahim dari Hadramaut .⁴⁸

Menurut Dr. Radzi bin Othman dan rakannya O.K Rahmat yang membuat kajian terhadap perkembangan fahaman ini, tokoh yang paling banyak menyumbang kepada perkembangan gerakan Islah di Perlis ialah Syeikh Abu Bakar al-'Asy'aari . Beliau berkelulusan Universiti al-Azhar di mana pada ketika itu beliau belajar sezaman dengan Rasyid Redha (1865-1935) yang

⁴⁷ Abdul Rahman bin Haji Abdullah (1989), *Gerakan Islah di Perlis ; Sejarah dan pemikiran*, *op.cit*, Kuala Lumpur : Penerbit Pena Sdn. Bhd. , hlm 34 .

⁴⁸ Ibid. hlm. 36 .

merupakan salah seorang tokoh gerakan pembaharuan di Mesir ketika itu. Semasa beliau berada di Mesir, beliau telah cuba memahami serta mengikuti gerakan pembaharuan yang telah dicetuskan oleh Rasyid Reda. Akhirnya apabila beliau pulang ke Perlis beliau telah membawa pulang fahaman ini sehingga berkembang ke hari ini .⁴⁹

Fahaman Islah dilihat sebagai sebuah Persatuan yang berperanan dalam pentadbiran agama Islam di Perlis. Ini kerana ia telah diikuti oleh ramai pembesar negeri terutama dari kalangan istana dan juga pembesar Negeri Perlis. Tokoh-tokoh yang menguasai pentadbiran Majlis Agama Islam Perlis adalah berfahaman Islah. Fahaman ini mula menguasai Negeri Perlis sejak ia diwartakan dalam draf Undang-Undang Negeri Perlis yang menyatakan bahawa Negeri Perlis berpegang kepada fahaman *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Institusi ini mampu menguasai pentadbiran agama di Perlis kerana ia mendapat sokongan yang kuat dari kerajaan Negeri Perlis di samping itu pihak istana juga memberi sokongan kepada gerakan ini.⁵⁰

Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah lagi fahaman Sunnah di Perlis telah mengalami zaman kemuncak dan zaman kemerosotan. Sebelum kedatangan Jepun ke Tanah Melayu fahaman ini mendapat sokongan padu dari Raja Perlis ketika itu iaitu Syed Alwi dan juga para Pembesar Negeri. Semasa Jepun menguasai Tanah Melayu fahaman ini mengalami kemerosotan di mana ianya tidak dapat menguasai pentadbiran agama di Negeri Perlis kerana Raja

⁴⁹ Dr. Radzi bin Othman dan O K Rahmat (1996), *Gerakan Pembaharuan Islam ; Satu kajian di Negeri Perlis dan Hubungkaitnya dengan Malaysia*, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia , Penerbit Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, hlm. 45 .

⁵⁰ Abdul Rahman bin Haji Abdullah (1989), *op.cit.* , hlm 37 .

Perlis yang dilantik oleh Jepun iaitu Syed Hamzah tidak suka kepada fahaman ini. Apabila Jepun menyerah kalah dan Inggeris telah menguasai semula Tanah Melayu fahaman ini mula berkembang semula kerana Pihak Inggeris telah melantik Syed Putra sebagai Raja Perlis. Syed Putra yang dilantik oleh pihak Inggeris sebagai Raja Perlis ialah penyokong kepada fahaman ini. Sejak dari itu fahaman ini mula menguasai pentadbiran kerajaan Perlis .⁵¹

Pada 18 Mac 1965 Persatuan al-Islah Perlis telah didaftarkan di mana penubuhannya telah diusahakan oleh Haji Ismail bin Haji Mahmud yang lebih dikenali sebagai Syeikh Noor al-Surur .⁵² Pada tahun 1986 Persatuan Islah Islah mempunyai ahli seramai 3200 orang dan mempunyai bangunannya sendiri di Kampung Kersik, Mata Air, Perlis. Dengan keahlian yang ramai institusi ini telah mengadakan beberapa Ijtimak al-Sunnah di Masjid Alwi di Kangar. Ijtimak ini telah dihadiri oleh Raja Perlis Tuanku Syed Putra dan juga pembesar Negeri yang lain .⁵³

Aktiviti dan Peranan Persatuan Islah di Perlis.

Secara keseluruhannya Persatuan Islah hanyalah institusi yang terlibat sepenuhnya dalam aktiviti dakwah terhadap umat Islam sahaja, iaitu perjuangan membawa satu fahaman yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah

⁵¹ *Ibid* hlm. 38 .

⁵² *Ibid* . hlm 45 . Temubual dengan Ustaz Abdul Razak bin Husain pada 10 November 2000 di rumahnya di Kg Kubang Gajah, Arau , Perlis . Beliau adalah bekas Pengerusi Persatuan Islah Negeri Perlis .

⁵³ Laporan tahunan Persatuan Islah Negeri Perlis tahun 2000 . hlm. 2

di kalangan umat Islam khususnya rakyat Negeri Perlis. Sepanjang penubuhannya iaitu sejak ia mula di bawa ke Negeri Perlis sehinggalah ke hari ini belum terdapat satu aktiviti pun yang dirancang dan dirangka secara khusus untuk dilaksanakan kepada masyarakat bukan Islam di Perlis. Ini kerana Persatuan ini hanyalah berperanan mengembalikan umat Islam khususnya di Perlis kepada pegangan berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah. Jika terdapat aktiviti dakwah yang dijalankan kepada masyarakat bukan Islam ia adalah berbentuk peribadi yang dilakukan oleh ahli persatuan ini.⁵⁴

Oleh kerana aktiviti dakwah persatuan ini lebih tertumpu kepada masyarakat Islam sahaja, banyak aktivitinya dilakukan hanya di masjid-masjid di Negeri Perlis. Aktiviti persatuan ini juga lebih menjuruskan kepada ahli kumpulan yang sentiasa mengikuti perkembangan persatuan ini. Aktiviti persatuan ini dilakukan dalam bentuk perjumpaan sesama ahli persatuan ini samada dalam majlis ilmu di masjid atau perjumpaan di pusat Persatuan Islah di Beseri bagi tujuan memantapkan lagi kefahaman mereka. Kegiatan mereka biasanya tertumpu di masjid-masjid seperti masjid Negeri di Arau begitu juga Masjid Alwi di bandar Kangar. Kelas ilmu tersebut di pimpin oleh tokoh-tokoh ulama dari kalangan pendukung fahaman *Ahl al-sunnah wa al-Jamaah* di seluruh Negeri Perlis.⁵⁵

⁵⁴ Temubual dengan Ustaz Yaakob bin Ahmad bekas tenaga pengajar di Sekolah Menengah Agama Alawiyah Arau di rumahnya di Arau, Perlis pada 19 November 2000 jam 3.00 petang. Beliau salah seorang pendukung persatuan Islah Perlis dan terlibat dalam majlis ilmu yang dianjurkan oleh persatuan ini di Masjid Negeri Arau.

⁵⁵ Temubual dengan Ustaz Ahmad bin Jusoh seorang tokoh ulama dari Persatuan Islah Perlis di rumahnya di Beseri, Perlis pada 23 November 2000. Beliau ialah bekas pensyarah di Universiti Teknologi Mara di Kampus Cawangan Arau, Perlis. Sekarang beliau bertugas sebagai pensyarah di Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIPs) di Kangar.

2.3.3. PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

Parti Islam SeMalaysia (PAS) adalah sebuah institusi Islam yang dilihat bergerak di atas landasan politik di Negeri Perlis. PAS telah mula bertapak di negeri ini apabila ia ditubuhkan pada hari khamis 14 Syaaban 1371 bersamaan 2 Mei 1952 . Penubuhan ini dilakukan dalam satu Mesyuarat Agung yang dihadiri seramai 30 orang di mana ia telah diadakan di sebuah bangunan di Sekolah Melayu Kangar .⁵⁶

Menurut Haji Mahmud bin Mohd Nor, tujuan utama aktiviti yang dijalankan oleh PAS ialah untuk mengembalikan masyarakat Islam kepada ajaran Islam dan menubuhkan sebuah negara yang berteraskan Islam di Malaysia.⁵⁷ Oleh kerana PAS adalah sebuah pertubuhan yang besar dan berperanan dalam konteks dakwah di Negeri Perlis dan mempunyai ramai ahli yang berdaftar ia dilihat sebagai sebuah institusi yang boleh mengerakkan aktiviti dakwah kepada masyarakat Islam dan juga bukan Islam di Negeri Perlis. namun PAS hanya menumpukan aktivitinya hanya kepada masyarakat Islam sahaja dan tidak begitu memberi perhatian yang serius terhadap aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Ini boleh dilihat di mana tidak terdapatnya satu aktiviti khusus untuk digerakkan dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Perlis sehinggalah bermula pada tahun 1999 terutamanya selepas terbentuknya pakatan dengan parti DAP, aktiviti PAS telah dikembangkan kepada masyarakat bukan Islam, namun aktiviti yang

⁵⁶ Buku Peringatan sambutan Jubli Perak 25 tahun PAS Negeri Perlis pada 28-29 Disember 1976 di Kangar, hlm. 4

⁵⁷ Temubual dengan Tuan Haji Mahmud bin Mohd Nor, *Bekas Pesuruhjaya Pas Negeri Perlis tahun 1965 - 81* di rumahnya di Beseri, Perlis pada 23 Disember 2001 .

dijalankan itu lebih bercorak kepada memberi penerangan dan kefahaman tentang Islam sahaja. Usaha ini dibuat agar kefahaman terhadap Islam menular di kalangan masyarakat bukan Islam serta perjuangan PAS bagi menubuhkan sebuah negara Islam mendapat sokongan dari mereka.⁵⁸ Menurut Ustaz Ahmad bin Ali sejak penubuhan PAS Perlis lebih setengah abad tidak ada satu program dakwah yang khusus disusun dan dirancang untuk dilaksanakan kepada masyarakat bukan Islam.⁵⁹

Antara faktor yang menyebabkan PAS tidak dapat melaksanakan dakwahnya kepada masyarakat bukan Islam ialah ;

Pertama : Kekurangan tenaga yang berkebolehan untuk berdakwah kepada masyarakat bukan Islam terutamanya yang berkemahiran dalam bahasa Cina, Tamil dan Thailand.

Kedua : Kesibukan para pemimpin PAS dan juga ahli-ahli PAS dengan tugas-tugas kepartian .

Ketiga : Suasana politik di Negeri Perlis yang sentiasa berubah dari masa ke semasa yang menyebabkan dasar-dasar parti PAS perlu diubah setiap masa mengikut keperluan semasa.⁶⁰

⁵⁸ Temubual dengan Tuan Haji Mahmud bin Mohd Nor , *op.cit* .

⁵⁹ Temubual dengan Ynag Berhormat Ustaz Ahmad bin Ali, *Ahli Jawatan Kuasa PAS Negeri Perlis merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis Kawasan Guar Sanji* pada 25 Disember 2001 di rumahnya di Arau, Perlis .

⁶⁰ *Ibid* . Temubual dengan Tuan Haji Abid bin Ismail, *Bekas Setiausaha dan Bendahari PAS Perlis* di rumahnya di Arau pada 26 Disember 2001 jam 2.30 petang .

Aktiviti Dakwah PAS

Aktiviti dakwah yang dijalankan oleh PAS lebih banyak dilakukan dalam bentuk ceramah-ceramah politik yang diadakan di seluruh Negeri Perlis. Ceramah-ceramah ini biasanya disampaikan oleh para pemimpin PAS pusat dan pemimpin PAS Negeri Perlis di mana ia dihadiri oleh penyokong PAS dari seluruh pelusuk Negeri Perlis. Aktiviti ini akan menjadi lebih rancak apabila tiba musim pilihanraya di mana hampir setiap hari ceramah ini akan diadakan. Aktiviti dakwah yang lain dilakukan dalam bentuk perjumpaan sesama ahli yang diadakan samada di rumah-rumah ahli mahupun di markaz PAS yang terdapat di setiap cawangan PAS yang ditubuhkan di Perlis. Selain dari itu aktiviti dakwah berbentuk perjumpaan individu juga dilakukan oleh ahli-ahli PAS bagi memberi penerangan tentang fahaman mereka kepada masyarakat Islam di Perlis. Aktiviti dakwah PAS tidak dapat dilaksanakan di dalam masjid kerana ia lebih berbentuk ceramah politik dan tidak dibenarkan oleh Majlis Agama Islam Perlis.

Aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam tidak dapat dijalankan secara terus lantaran ketiadaan orang yang berkebolehan menyusun dan merancang aktiviti dakwah terhadap masyarakat bukan Islam dan kesibukan dengan tugas kepartian serta tumpuan sepenuhnya diberikan kepada aktiviti ceramah politik. Perkara ini menghalang ahli PAS untuk berkecimpung sepenuhnya dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Oleh yang demikian aktiviti dakwah hanya dijalankan dalam bentuk tidak langsung terutamanya kepada masyarakat Cina dan masyarakat Thailand yang banyak menghadiri ceramah-ceramah politik PAS. Kesan daripada aktiviti itu

masyarakat bukan Islam sudah mula berjinak-jinak mendengar setiap ceramah politik yang disampaikan oleh para pemimpin PAS . Kesempatan ini digunakan oleh para pemimpin PAS yang terdiri dari kalangan ulama untuk memberi penerangan kepada masyarakat Islam secara khususnya dan juga secara tak langsung kepada masyarakat bukan Islam. ⁶¹

Dalam konteks Negeri Perlis, setiap aktiviti ceramah yang di adakan biasanya dihadiri berbagai golongan samada dari kalangan penyokong PAS sendiri mahupun dari kalangan pemerhati yang ingin mengikuti setiap ceramah yang dianjurkan oleh PAS. Ceramah ini juga dihadiri oleh masyarakat bukan Islam yang terdiri dari orang Cina, India dan Thailand di mana biasanya terdiri dari parti pembangkang di Perlis. Ceramah-ceramah ini secara tak langsung dianggap oleh PAS sebagai salah satu cara dakwah kepada masyarakat bukan Islam terutamanya dalam menghapuskan beberapa kekeliruan masyarakat bukan Islam terhadap Islam.

Selain dari aktiviti ceramah politik, aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam ada juga dijalankan oleh ahli-ahli PAS namun aktiviti tersebut dilakukan secara individu dan tidak terikat dengan aktiviti yang dirangka oleh PAS Negeri Perlis. ⁶²

⁶¹ Temubual dengan YB Ustaz Haji Hashim bin Jasin, *Persuruh Jaya PAS Negeri Perlis dan Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis Kawasan Sanglang* pada 27 Disember 2001 di Pejabat PAS Negeri Perlis di Kangar .

⁶² *Ibid* .

2.3.4. ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) salah sebuah institusi Islam yang bergiat aktif dalam aktiviti dakwah Islamiyyah di kalangan masyarakat Islam. Sasaran institusi ini lebih kepada golongan belia yang merupakan tunjang kepada kekuatan ummah Islam. ABIM ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 hasil dari resolusi yang lahir sempena Persidangan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) kali ke 10 dan didaftarkan secara rasmi pada 17 Ogos 1972 dengan nombor pendaftarannya 1161 .⁶³ Muktamar ABIM pertama yang diadakan pada tahun 1972 di Kuala Lumpur telah melantik Razali Nawawi sebagai Presiden ABIM yang pertama bersama-sama sepuluh orang Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat. Pada tahun 1974 Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai Presiden ABIM yang kedua, kemudian Siddiq Fadhil dilantik menjadi Presiden ABIM ketiga selepas penyertaan Anwar Ibrahim ke dalam parti UMNO pada tahun 1982 . Muhammad Nur Manuty telah dilantik sebagai Presiden keempat pada tahun 1991. Pada bulan September 1997 dalam muktamar ABIM di Alor Setar , Kedah, Ahmad Azam Abdul Rahman telah dipilih sebagai Presiden ABIM kelima.⁶⁴

Pada peringkat awal penubuhannya, ahli yang berdaftar seramai 20 orang kini keahlian ABIM lebih daripada 60,000 orang yang meliputi berbagai peringkat masyarakat yang berlainan latar belakang, sama ada golongan

⁶³ Abdul Rahman Kurais, Bahan Rujukan Fasilitator Modul 1 PPAA , ABIM , hlm. 1 .

⁶⁴ Lihat Laman Web beralamat <http://www.abim.org.my/index.htm> . Lihat juga Sidiq Fadhil (1986/87) , *Gerakan Islam di Malaysia ; Satu tinjauan Sepintas Lalu* , Journal Malaysia Masa Kini, Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, hlm . 125 .

intelek, ulama, kakitangan kerajaan, swasta dan petani. Keahlian ABIM terbuka kepada semua umat Islam Malaysia tidak kira apa bangsa dan kaum tetapi permohonan keahlian perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat .⁶⁵

Menurut Siti Asmah Kasmu aktiviti dakwah ABIM secara khususnya dihalakan kepada masyarakat Islam di mana tumpuan diberikan kepada golongan belia, banyak aktiviti ditumpukan kepada golongan ini dalam bentuk pertemuan sesama ahli samada di rumah-rumah atau di tempat pertemuan yang telah ditetapkan .⁶⁶

ABIM Negeri Perlis mula ditubuhkan pada akhir tahun 1972 selepas tertubuhnya ABIM Pusat.⁶⁷ Institusi ini menjalankan aktiviti dakwahnya di kalangan ahli dalam bentuk Usrah Mingguan. Usrah Mingguan ini diadakan ditempat yang telah ditetapkan bagi tujuan memperkukuhkan hubungan sesama ahli di samping mempertingkatkan pengetahuan yang berkaitan dengan ilmu Islam. Para Pemimpin ABIM juga mengadakan Usrah Mingguan bagi mempertemukan pimpinan-pimpinan ABIM Negeri Perlis dalam satu Usrah yang dinamakan *Usrah Gabungan* . Pertemuan ini biasanya diadakan di rumah para pemimpin ABIM yang telah ditetapkan. Bagi aktiviti dakwah yang dihalakan kepada masyarakat Islam yang bukan menjadi ahli institusi ini, secara umumnya ia diadakan dalam bentuk pengajian ilmu atau bentuk ceramah yang

⁶⁵ *Ibid*, hlm 127 . Lihat juga *ABIM Satu Pengenalan*, Risalah Terbitan Biro Penerangan ABIM Pusat, bil. 4 hlm. 3 .

⁶⁶ Siti Asmah Kasmu, *Gerakan Dakwah ABIM ; Pendekatannya kepada Golongan Belia di Wilayah Persekutuan* , Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya : Latihan Ilmiah bagi sarjana Muda Fakulti Usuluddin Sessi 1988/89 , hlm 23 .

⁶⁷ Temubual dengan Ustaz Dahlan bin Mohd Zain . *Bekas Ketua ABIM Perlis* di pejabatnya pada 12 Januari 2002 jam 10 pagi. Beliau sekarang bertugas sebagai Pengetua Sekolah Agama MATRI Tunjung, Beseri, Perlis. Memegang jawatan sebagai Ketua ABIM dari tahun 1974 hingga tahun 1990 .

diadakan di masjid-masjid di seluruh Negeri Perlis di bawah kelolaan tokoh ulama dari ABIM Perlis.⁶⁸

Aktiviti Dakwah Kepada Masyarakat Bukan Islam

Dalam bidang dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Perlis, ABIM Perlis telah melaksanakan program yang telah dilaksanakan oleh ABIM Pusat iaitu Program “*Islamic Outresearch*”. Program ini diselia oleh satu Biro yang di ketuai oleh Dr. Ismail bin Nayan.⁶⁹ Program ini tidak dapat dijalankan secara aktif disebabkan kekurangan tenaga mahir dan juga kekangan kerja ahli-ahli di sektor kerajaan yang menyebabkan mereka tidak dapat memberi perhatian yang serius terhadap program tersebut.⁷⁰

Kesimpulannya ABIM Perlis tidak begitu memberi tumpuan yang sewajarnya kepada kegiatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam disebabkan beberapa faktor antaranya :

1. Kurangnya tenaga kerja yang berkebolehan di kalangan ahli ABIM sendiri khususnya bagi menghadapi masyarakat bukan Islam.
2. Kegiatan yang terhad terutamanya selepas berlakunya krisis yang menimpa bekas presiden Anwar Ibrahim.
3. Tumpuan yang diberikan oleh ahli lebih kepada masyarakat Islam sendiri di mana aktiviti disusun untuk masyarakat Islam setempat.

⁶⁸ Temubual dengan Ustaz Ahmad bin Hamzah, *Ketua ABIM Negeri Perlis* di rumahnya pada 28 Disember 2001. Beliau bertugas sebagai Guru Agama di Sekolah Menengah Agama Perempuan Kangar.

⁶⁹ Dr. Ismail bin Nayan seorang doktor perubatan lulusan dari Universiti Azhar, Mesir. Beliau membuka klinik persendirian iaitu Klinik Ihsan di Kangar.

⁷⁰ Temubual dengan Dr. Ismail bin Nayan di rumahnya di Kangar pada 29 Januari 2002 jam 5.30 petang.

2.3.5. MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PERLIS

Majlis Agama Islam ditubuhkan pada 14 syawal 1383 bersamaan dengan 27 Feb 1964 di bawah Undang – Undang Tubuh Kerajaan Negeri 1963 (Pindaan) Fasal 6 (1) . Di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Perlis terdapat empat buah agensi yang bertanggungjawab di atas perkembangan agama Islam, iaitu :

- Jabatan Agama Islam Negeri Perlis .
- Jabatan Mufti Negeri Perlis .
- Mahkamah Syariah Negeri Perlis .
- Baitul Mal Negeri Perlis . ⁷¹

Dari keempat agensi kerajaan yang bernaung di bawah Majlis Agama Negeri Perlis tersebut hanya Jabatan Agama Islam Perlis sahaja yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis. ⁷²

1. Jabatan Agama Islam Perlis

Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPS) yang terletak di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Perlis bertanggungjawab dalam perkembangan agama Islam di Negeri Perlis. Jabatan Agama ini terletak di bangunan Kompleks Islam , Kangar .

⁷¹ Buku Cenderahati terbitan Majlis Agama Islam Perlis terbitan tahun 1997 , hlm. 5 .

⁷² Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar , *op.cit.*

Struktur Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis .

Struktur Pentadbiran Jabatan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu :

1. Bahagian Pendidikan .
2. Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan .
3. Bahagian Penyelidikan .
4. Bahagian Dakwah .
5. Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syari'ah .
6. Bahagian Pentadbiran .⁷³

Oleh kerana kajian ini lebih mengkhususkan kepada bidang dakwah kepada masyarakat bukan Islam, maka Bahagian Dakwah adalah bahagian yang menjadi tumpuan utama untuk dibuat penyelidikan .

Bahagian Dakwah .

Di bahagian ini program-program tahunan yang disusun lebih menjuruskan kepada pengukuhan terhadap Islam di kalangan masyarakat Islam dan penyebaran Islam kepada masyarakat bukan Islam. Perkara ini boleh dilihat kepada unit-unit yang bertanggungjawab dalam penyebaran dakwah Islam di bawah seliaan Bahagian Dakwah .

⁷³ Buku Cenderahati terbitan Majlis Agama Islam Perlis terbitan tahun 1997 , hlm. 5 .

Bahagian Dakwah dibahagi kepada empat bahagian, iaitu :

1. Unit Dakwah .
2. Unit Kari`ah .
3. Unit Ukhuwwah .
4. Unit Takmir .⁷⁴

Setiap unit berperanan menjalankan aktiviti dakwah di kalangan masyarakat Islam di Negeri Perlis. Unit yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah di kalangan masyarakat bukan Islam iaitu Unit Dakwah. Unit ini berperanan merangka aktiviti serta segala perkara yang berkaitan dengan kebajikan golongan saudara baru .⁷⁵

Antara aktiviti dakwah yang dilaksanakan oleh Unit Dakwah ini ialah :

1. Kursus dan program dakwah .
2. Ceramah Agama .
3. Aktiviti Agama di Masjid dan Surau .
4. Kelas-kelas pengajian Agama dan Takmir .
5. Aktiviti untuk saudara-saudara baru .
6. Derma khairat .
7. Hari-hari kebesaran Islam .⁷⁶

⁷⁴ *Ibid.* hlm. 7

⁷⁵ Temubual dengan Ustazah Saimah , *op.cit.*

⁷⁶ Buku Cenderahati terbitan Majlis Agama Islam Perlis terbitan tahun 1997 , hlm. 8 .

Masalah yang dihadapi oleh JAIPS ialah kekurangan tenaga yang bertindak sebagai pendakwah kepada masyarakat bukan Islam . JAIPS telah menjalankan beberapa aktiviti dakwah bagi mendekatkan golongan bukan Islam kepada agama Islam. Aktiviti dakwah yang dilakukan oleh JAIPS berbentuk secara langsung dan secara tak langsung .⁷⁷

Secara umumnya pendekatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam yang diambil oleh JAIPS lebih banyak menjurus kepada pendekatan secara tidak langsung. Oleh sebab itu tidak banyak program yang disusun oleh JAIPS dalam merealisasikan tujuan dakwah di kalangan bukan Islam. Dengan adanya beberapa halangan seperti kekurangan tenaga pendakwah berpengalaman dan sumber kewangan yang terhad tidak banyak program yang boleh diketengahkan dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam . Oleh yang demikian JAIPS lebih banyak memberi tumpuan dalam aktiviti dakwah kepada golongan yang mempunyai pendidikan dan tinggal di kawasan bandar berbanding yang tinggal di luar bandar .⁷⁸

Masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis terutamanya kaum Cina lebih banyak tertumpu di kawasan bandar dan mereka ini dilihat lebih terdedah kepada aktiviti dakwah yang dijalankan oleh JAIPS. Walau bagaimanapun aktiviti JAIPS tidak dapat dilakukan secara menyeluruh kerana masalah kekurangan tenaga yang berkebolehan dan sanggup memaikul beban kerja tersebut. Selain itu JAIPS juga berdepan dengan masalah bahasa dalam menyampaikan dakwah secara lebih berkesan kepada masyarakat bukan Islam. Sehingga sekarang JAIPS belum mempunyai pegawainya yang

⁷⁷ Temubual dengan Ustazah Saimah , *op.cit.*

⁷⁸ *Ibid.*

berkebolehan bertutur dalam bahasa Cina mahupun India. Oleh yang demikian JAIPS terpaksa menggunakan khidmat dari pendakwah bebas yang berketurunan Cina.

Pihak Jabatan Agama Islam Perlis lebih memberi penekanan kepada usaha memberi penerangan tentang Islam secara luaran sahaja kerana pendekatan ini lebih berkesan. Walau bagaimanapun pihak JAIPS tidak pernah mengadakan dialog secara terbuka dengan masyarakat bukan Islam tentang ajaran Islam .⁷⁹

2. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis

Jabatan Mufti mempunyai peranan penting khususnya dalam kegiatan dakwah kepada masyarakat Islam di Negeri Perlis kerana jabatan ini bertanggungjawab menyusun khutbah-khutbah jumaat yang dibaca di seluruh masjid di Negeri Perlis. Jabatan ini juga terlibat dalam usaha meningkatkan kefahaman masyarakat Islam melalui penerbitan buku-buku dan risalah agama untuk disebarikan kepada mereka .⁸⁰

Dalam kegiatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam, Jabatan ini boleh digolongkan dalam institusi dakwah yang tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah kepada bukan Islam. Peranan yang dimainkan oleh jabatan ini ialah menerbitkan risalah-risalah dan buku-

⁷⁹ Temubual dengan Ustaz Idris bin Yaakob, *Pegawai Agama di Jabatan Agama Islam Negeri Perlis* di pejabatnya pada 1 September 2002 . Beliau merupakan seorang pendakwah yang aktif serta sering memberi ceramah di seluruh masjid di Perlis .

⁸⁰ Temubual dengan Datuk Alim Panglima Tuan Haji Mat Jaya bin Husain , *op.cit*.

buku yang berkaitan dengan Islam untuk disebar ke seluruh Negeri Perlis. Bahan-bahan bacaan ini secara tak langsung dapat di baca oleh kalangan penduduk bukan Islam yang meminati dan ingin mendalami ilmu berkaitan dengan Islam .⁸¹

Pihak JAIPS juga meminta Jabatan Mufti mencetak bahan-bahan bacaan tersebut untuk disebar ke masyarakat bukan Islam yang meminati dan ingin mendalami tentang Islam .⁸²

3. Baitul Mal Negeri Perlis

Baitul Mal Negeri Perlis berperanan dalam membantu perkembangan dakwah Islam di Negeri Perlis. Peranan yang dimainkan oleh Baitul Mal amat penting dalam menyalurkan bantuan kewangan kepada setiap aktiviti dakwah di Negeri Perlis. Selain dari itu Baitul Mal juga berperanan menghulurkan bantuan kewangan kepada saudara baru. JAIPS dan PERKIM Negeri Perlis akan menguruskan bantuan kebajikan ini yang akan diagihkan kepada para saudara baru berdasarkan keperluan mereka.⁸³

Masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis kurang terdedah dengan penerangan tentang ajaran Islam, ini disebabkan sikap umat Islam sendiri tidak mengambil perhatian serius dengan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam sebaliknya hanya menyerahkan tanggungjawab

⁸¹ Temubual dengan Ustaz Muridie bin Mohamad, *Pegawai Agama di Jabatan Mufti Negeri Perlis* pada 29 Disember 2001 di pejabat nya jam 2.45 petang.

⁸² *Ibid* .

⁸³ Temubual dengan Datuk Abu Bakar bin Ahmad, *Pengerusi Baitul Mal Negeri Perlis* di Pejabatnya pada 28 Ogos 2001 .

dakwah ini kepada badan-badan tertentu yang berkecimpung dalam bidang dakwah mahupun orang perseorangan yang terlibat dengan kegiatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Hal ini menyebabkan berlakunya ketidak sempurnaan dalam memberi kefahaman tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam disebabkan masalah kekurangan tenaga pendakwah dari institusi Islam yang terbabit dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam.

Memandangkan masyarakat Islam di Negeri Perlis menyerahkan aktiviti dakwah kepada golongan tertentu sahaja, maka JAIPS dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis telah mengambil inisiatif dalam menyebarkan Islam. Sekalipun JAIPS tidak mempunyai program dakwah yang khusus kepada masyarakat bukan Islam namun JAIPS berusaha merangka beberapa program dakwah kepada masyarakat bukan Islam.⁸⁴

⁸⁴ Temubual dengan Ustazah Saimah, *op.cit.*

2.3.6. PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) sebuah Pertubuhan Islam yang bergiat aktif dalam kegiatan dakwah Islamiah di Malaysia. Diasaskan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada tahun 1960. Pertubuhan ini telah menubuhkan beberapa cawangan di seluruh Malaysia. Antaranya PERKIM Bahagian Negeri Perlis yang telah ditubuhkan pada tahun 1971. PERKIM Bahagian Perlis ditubuhkan atas daya usaha Tan Sri Datuk Sheikh Ahmad Bin Muhammad Hashim yang ketika itu menjadi Menteri Besar Perlis yang kedua. Beliau dilantik menjadi Pengerusi PERKIM Perlis yang pertama dan bertanggungjawab dalam setiap aktiviti yang dilakukan oleh pertubuhan ini.⁸⁵

PERKIM ditubuhkan dengan matlamat untuk meninggikan syiar Islam dan mengembangkannya kepada masyarakat bukan Islam secara khusus dan kepada masyarakat Islam amnya . Hala tuju PERKIM Perlis yang merupakan cawangan kepada PERKIM Pusat adalah sama dalam usaha menyebarkan Islam kepada masyarakat bukan Islam, oleh yang demikian aktiviti PERKIM Perlis hampir sama dengan aktiviti dakwah yang dijalankan oleh PERKIM Pusat .⁸⁶

⁸⁵ Buku Cenderamata Rayuan Kutipan Derma Pembinaan Kompleks Perkim Negeri Perlis tahun 1983, hlm. 3.

⁸⁶ Temubual dengan Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdullah, *Pegawai Perkim Negeri Perlis* pada 26 Ogos 2001 di pejabatnya di Kangar jam 3.00 petang .

Antara matlamat penubuhan PERKIM Perlis ialah :

1. Mengembangkan syiar Islam di kalangan masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis serta memberi kefahaman yang betul tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam.
2. Menjaga kebajikan saudara-saudara baru yang tidak mempunyai keluarga atau disisihkan oleh keluarga mereka selepas mereka memeluk agama Islam. Ini kerana apabila seseorang itu memeluk Islam ia akan menghadapi tekanan samada tekanan dari pihak keluarganya sendiri mahupun tekanan perasaan akibat dipulau, oleh yang demikian golongan saudara baru memerlukan sokongan dari orang-orang Islam dari aspek moral mahupun bantuan kewangan bagi menjamin kehidupan mereka.
3. Menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam melalui beberapa pendekatan yang telah dirancang bersama dengan PERKIM pusat dan juga Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPS) .
4. Memberi didikan ilmu Islam kepada saudara baru dan mempersiapkan mereka dengan pendidikan Islam yang sempurna melalui program-program agama yang disusun khas untuk saudara baru. Pengisian ilmu perlu dilakukan sebagai bekalan menjalani kehidupan sebagai seorang muslim.⁸⁷

⁸⁷ *Ibid* .

Pertubuhan PERKIM Perlis merupakan satu-satunya pertubuhan dakwah yang bergiat secara langsung dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis. Selain dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis tidak terdapat mana-mana pertubuhan dakwah yang boleh di kira bergiat aktif dalam aktiviti dakwah secara khusus kepada masyarakat bukan Islam. Memandangkan PERKIM bukan pertubuhan kerajaan sudah tentu ia memerlukan bantuan kewangan bagi menjalankan aktivitinya. Sepanjang sejarah penubuhan PERKIM di Perlis dapat diperhatikan ianya sentiasa mendapat perhatian dari para pemimpin negeri sehingga sekarang. Pertubuhan ini mendapat sokongan kuat dari Kerajaan Negeri Perlis di mana ia telah melantik Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kasim sebagai penasihat kepada Pertubuhan PERKIM di Negeri Perlis .

Menurut Tuan Haji Fadhil bin Ahmad dengan adanya perhatian dari Kerajaan Negeri Perlis, PERKIM Perlis mendapat faedah yang besar dan ini dapat membantu pertubuhan ini melaksanakan beberapa aktiviti mereka yang memerlukan kepada kewangan dan sokongan . Antara faedah yang dapat diperolehi dari kerajaan Negeri Perlis ialah :

1. Bantuan kewangan bagi menjalankan kegiatan dan aktiviti dakwah. Setiap program yang hendak dilaksanakan memerlukan jumlah kewangan seperti penyebaran risalah dan buku-buku tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam .
2. Bantuan khidmat nasihat dan tunjuk ajar dalam bidang pengurusan dan pentadbiran.

3. Bantuan dari JAIPS sebagai sebuah Jabatan Kerajaan Negeri dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam.⁸⁸

Dalam menjayakan program dakwah kepada masyarakat bukan Islam, PERKIM Perlis memerlukan satu jalinan kerjasama dengan agensi kerajaan dan individu yang terlibat dengan kegiatan dakwah. Justeru itu PERKIM Perlis telah berganding bahu dengan JAIPS dalam aktiviti dakwahnya. Banyak pendekatan yang diambil oleh PERKIM hampir sama dengan JAIPS cuma terdapat sedikit perbezaan terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan kerajaan, ini kerana PERKIM hanya sebuah pertubuhan bukan kerajaan. Aktiviti pertubuhan ini terhad dan tidak melibatkan aktiviti yang berbentuk rasmi dan melibatkan pegawai kerajaan .

⁸⁸ Temubual dengan Tuan Haji Fadhil bin Ahmad, *Pengerusi PERKIM Negeri Perlis* pada 27 Ogos 2000 di rumahnya di Padang Siding, Arau, Perlis. Beliau adalah wakil rakyat kawasan Dewan Undangan Negeri Padang Siding merangkap Exco Kerajaan Negeri Perlis.

2.4. GOLONGAN SASARAN DAKWAH DI PERLIS

Masyarakat Melayu majoriti penduduk Negeri Perlis yang berjumlah 179,000 orang mewakili 82.3 peratus dari keseluruhan jumlah penduduk Perlis. Sementara masyarakat bukan Islam terdiri dari masyarakat Cina, India dan Thailand berjumlah 38,400 orang yang mewakili 17.7 peratus dari penduduk Perlis .⁸⁹

Masyarakat bukan Islam menetap di kawasan-kawasan tertentu di Negeri Perlis di mana kawasan bandar seperti Kangar, Padang Besar dan Kuala Perlis di diami masyarakat Cina, masyarakat India pula tertumpu di kawasan kampung yang berhampiran bandar. Sementara masyarakat Thailand pula tinggal berhampiran dengan sempadan dan di kampung-kampung yang mereka terokai semenjak beratus tahun lagi. Ketiga-tiga kaum ini merupakan sasaran utama aktiviti dakwah di Negeri Perlis .

2.4.1. MASYARAKAT CINA

Masyarakat Cina merupakan masyarakat bukan Islam yang paling ramai di Negeri Perlis berbanding dengan bangsa lain. Mengikut bancian yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan bilangan mereka berjumlah 12.3 peratus dari seluruh penduduk Negeri Perlis iaitu mewakili sebanyak 45 peratus dari jumlah penduduk bukan Islam.⁹⁰

⁸⁹ Sumber : Disesuaikan Daripada Jabatan Perangkaan . *op.cit* . Lihat juga *Laporan Penduduk Negeri Perlis*, *op.cit* .

⁹⁰ *Ibid* .

Berdasarkan penemuan barang - barang lama berupa tembikar, senjata dan lain-lain alat menunjukkan masyarakat Cina sudah lama bertapak di Negeri Perlis. Sejak awal kurun ke 16 lagi mereka sudah mendiami Negeri Perlis walaupun jumlah mereka sedikit .⁹¹

Kedatangan mereka pada peringkat awal disebabkan hubungan perniagaan dan pada ketika itu kedudukan Kuala Perlis sebagai pelabuhan dan pintu masuk masyarakat pedagang. Sultan yang memerintah Negeri Kedah pada masa itu ialah Sultan Muzaffar Shah II tahun 1544 hingga 1602 M telah membenarkan orang-orang Cina menetap di Negeri Kedah.⁹²

Jumlah penduduk Cina semakin bertambah pada masa penghijrahan imigran-imigran Cina pada abad ke 19 dan abad ke 20 di bawah penjajahan Inggeris. Kedatangan orang-orang Cina dengan jumlah yang ramai pada masa itu dikaitkan dengan pembukaan lombong-lombong bijih timah. Di Negeri Perlis orang-orang Cina mula masuk ke negeri ini selepas penemuan bijih timah di kawasan Kaki Bukit yang bersempadan dengan Thailand. Kedatangan mereka pada awal tahun 1920 an dan 1930 an telah memajukan pekan Kaki Bukit . Mengikut laporan terdapat sekitar 3000 orang Cina yang mendiami kawasan perlombongan Kaki Bukit ketika itu .⁹³

⁹¹ Alwi bin Sudin (1994), *Kedatangan Orang-orang Cina Ke Kangar* , Artikel Jurnal Jawatan Kuasa Gerakan Membaca Perlis Warisan Indera Kayangan . Bil 6 . , hlm. 31 .

⁹² *Ibid.* hlm. 31 . Lihat juga Yahya bin Abu Bakar . *Kedah dan Perdagangan Tradisi di Asia Abad ke 7 hingga Awal Abad ke 16 M . op.cit.* , hlm. 114

⁹³ Alwi bin Sudin (1991), *Kemasukan Orang-Orang Cina dan Perlombongan Bijih Timah di Kaki Bukit, Perlis* . Artikel Jurnal Jawatan Kuasa Gerakan Membaca Perlis Warisan Indera Kayangan . Bil 3 . hlm. 26

Boleh dikatakan hampir ke semua pendatang Cina di Malaysia bukan beragama Islam, walaupun Negara Cina pada masa itu sudah pun mempunyai penduduk yang beragama Islam terutama di wilayah sebelah barat Cina namun kebanyakan masyarakat Cina bukan Islam yang datang berhijrah ke Perlis datang dari sebelah selatan Cina di mana kebanyakannya dari suku kaum Hock Kien, Hai Lam dan Hock Chen.⁹⁴

Kehidupan Sosial Masyarakat Cina .

Masyarakat Cina kebiasaannya tinggal berasingan dengan masyarakat Melayu di mana mereka akan duduk bersama-sama di satu kawasan dan mengamalkan budaya hidup seperti yang diamalkan di Tanah Besar Cina. Cara pergaulan mereka sudah tentu berbeza dengan masyarakat Melayu. Kebanyakan masyarakat Cina di Negeri Perlis menetap di kawasan bandar kerana kebanyakan mereka adalah peniaga . Terdapat juga sebilangan dari mereka tinggal di kawasan sempadan dengan Thailand di mana mereka terlibat dengan aktiviti pelombongan bijih timah sejak sebelum kemerdekaan lagi .⁹⁵ Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat mengetahui kehidupan dan ajaran Islam dengan lebih dekat lagi .

⁹⁴ *Ibid.* hlm. 27

⁹⁵ Alwi bin Sudin(1994) , *Kedatangan Orang-orang Cina Ke Kangar , op.cit.* , hlm. 32

2.4.2. MASYARAKAT INDIA

Masyarakat India di Negeri Perlis mewakili 1.9 peratus sahaja dari jumlah keseluruhan penduduk Negeri Perlis.⁹⁶ Kebanyakan mereka tinggal di kawasan pinggir bandar dan tertumpu di beberapa kawasan sahaja seperti di pinggir pekan Arau .

Kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu dikaitkan dengan perkerjaan sebagai buruh di ladang-ladang getah. Negeri Perlis tidak ada ladang-ladang getah yang luas kecuali ladang getah yang kecil di Arau, namun sekarang ini sudah berubah menjadi kawasan perumahan awam. Masyarakat India tidak banyak mendiami Negeri Perlis berbanding dengan masyarakat Cina. Selain berkerja sebagai buruh terdapat juga sebilangan kecil masyarakat India terlibat dalam aktiviti perniagaan .⁹⁷

Terdapat juga masyarakat India beragama Islam di mana mereka datang ke Negeri Perlis sebelum merdeka lagi, kebanyakan mereka berkerja sebagai peniaga. Mereka biasanya terlibat dengan peniagaan kain dan setengahnya membuka kedai makan.⁹⁸ Masyarakat India di Negeri Perlis majoriti beragama Hindu. Terdapat beberapa buah kuil di Negeri Perlis terutamanya di Arau. Sebilangan kecil dari masyarakat India beragama kristian dan

⁹⁶ Sumber : Disesuaikan Daripada Jabatan Perangkaan, *op.cit* . Lihat juga *Laporan Penduduk Negeri Perlis, op.cit* .

⁹⁷ Temubual dengan En. Manikam a/l Mutusamy di kedai runcitnya di Arau pada 12 Oktober 2001 jam 11.00 pagi .

⁹⁸ Temubual dengan Tuan Haji Badaruddin bin Ismail di rumahnya pada 13 Oktober 2001 jam 4.00 petang. Berketurunan India Muslim. Beliau membuka sebuah kedai makan di Pekan Arau sejak tahun 70 an lagi.

mereka juga mempunyai gereja yang mereka jadikan sebagai tempat pertemuan sesama mereka.⁹⁹

Masyarakat India di Negeri Perlis hidup di kalangan masyarakat Melayu dan sudah biasa dengan kehidupan masyarakat Melayu. Kebanyakan masyarakat India fasih berbahasa Melayu kerana mereka bersekolah di sekolah-sekolah Kebangsaan sahaja kerana sekolah Jenis Kebangsaan Tamil tidak ada di Perlis.¹⁰⁰

2.4.3. MASYARAKAT THAILAND

Kedudukan Negeri Perlis yang bersempadan dengan Thailand menyebabkan ramai masyarakat Thailand keluar masuk ke Perlis sebelum merdeka lagi. Mereka datang pada suku awal abad ke 19 kerana Thailand yang dikenali sebagai Siam pada masa itu adalah kuasa imperialis yang menguasai wilayah-wilayah utara Tanah Melayu.¹⁰¹

Dari tahun 1821 hingga 1842 kerajaan Siam menjadi pemerintah wilayah di utara Tanah Melayu termasuklah Kedah, Kelantan dan Perlis. Kebanyakan masyarakat Thailand di kawasan sempadan dari keturunan bekas-bekas askar-askar Siam yang ingin menetap di Tanah Melayu.¹⁰²

⁹⁹ Temubual En. Manikam a/l Mutusamy, *op.cit.*

¹⁰⁰ Temubual En. Antony Jonathan di rumahnya di Arau.. Beliau merupakan seorang guru keturunan India dan beragama kristian.

¹⁰¹ Mohd Shabari Haji Ghazali (1983), *Penempatan Orang-orang Siam di Baling*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa , Jurnal Persatuan Muzium Malaysia ,bil 12 , 1983

¹⁰² R. Bonney (1971) , *Kedah 1771 – 1821 , The Search For Security and Independence*. Kuala Lumpur , hlm 67 . Lihat juga Sahrom Ahmat (1971) , *Kedah – Siam Relations 1821-1905* , Journal of The Siam Society , vol. 59 , pt 1 , hlm 56 .

Terdapat juga masyarakat Thailand yang beragama Islam di Negeri Perlis. Golongan ini dikenali sebagai Samsam. Mereka berasal dari kawasan Selatan Thailand. Bahasa pertuturan mereka seharian ialah bahasa Thai tetapi mereka boleh bertutur dalam bahasa Melayu .¹⁰³

Jumlah masyarakat Thailand mewakili 2.5 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Perlis. Mengikut bancian yang dikeluarkan jumlah mereka dianggarkan melebihi lima ribu orang. Tempat tinggal mereka tertumpu di kawasan luar bandar kerana kebanyakan mereka terlibat dalam bidang pertanian di mana mereka mempunyai tanah yang mereka terokai sejak beratus tahun lagi. Mereka telah menjadi penduduk tetap dan dianggap sebagai bumiputera dan layak mendapat keistimewaan sama seperti masyarakat Melayu.

Walaupun mereka sudah lama menetap di Perlis, tetapi mereka tinggal berasingan dengan masyarakat Melayu di mana mereka tertumpu di kawasan sempadan Perlis dengan Thailand .¹⁰⁴

Kehidupan Sosial Masyarakat Thailand

Masyarakat Thailand juga membawa bersama-sama mereka agama dan kebudayaan yang menjadi pegangan datuk nenek mereka sehinggalah

¹⁰³ Hussain Baba bin Mohammad, *Sejarah Negeri dan Raja Perlis*. Journal of the Malaysian Branch , Royal Asiatic Society. Vol XLII, Part 2, 1969 (No. 216), hlm. 173 . Lihat juga Kobkua Suwannathat-Pian, *National Integration ; A Study of Historical and Ethnic Assimilation of The Sam-Sams*, Seminar Sejarah Malaysia Moden ; Penilaian ke Atas Pembinaan Negara. 21-22 Disember 1992, Universiti Kebangsaan Malaysia : Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan .

¹⁰⁴ Ramli bin Ismail (1993), *Masyarakat Thai di Perlis*, Artikel Journal Jawatan Kuasa Membaca Perlis Warisan Indera Kayangan , Bil. 5 hlm. 14 .

sekarang . Oleh kerana penghijrahan masyarakat Thailand berlaku sejak beratus-ratus tahun lagi, maka proses asimilasi di kalangan orang-orang Siam telah berlaku di mana ramai dari mereka yang boleh menyesuaikan diri mereka dengan budaya masyarakat Melayu .¹⁰⁵

Kebanyakan masyarakat Thailand di Negeri Perlis menganut agama Budha . Terdapat tempat ibadat mereka yang dikenali sebagai Wat di setiap penempatan mereka. Wat ini boleh ditemui di penempatan mereka di kampung Guar Syed Alwi, Kampung Jejawi Permatang, Kampung Guar Nangka, Kampung Behor Gelam dan di kampung yang berhampiran dengan sempadan Thailand seperti di Wang Kelian, Kaki Bukit .¹⁰⁶

Sejarah penghijrahan masyarakat Thailand berlaku semenjak ratusan tahun lagi sejak wujudnya hubungan antara kerajaan Siam dengan kerajaan Melayu Kedah. Kedudukan Negeri Perlis bersempadan dengan Thailand menyebabkan ia menjadi laluan masuk keluar para penduduk kedua-dua wilayah tersebut di samping wilayah-wilayah selatan Thailand seperti Nakhon Sitammarat (Ligor), Singgora, Chenak, Tapa dan Pattani. Sejarah juga mencatat tentang wujudnya perhubungan antara raja-raja yang memerintah wilayah-wilayah selatan Thailand dengan raja-raja Perlis. Demikian juga di zaman kerajaan Inggeris wujud hubungan antara negeri-negeri di bawah pentadbiran Inggeris dengan kerajaan Thailand .¹⁰⁷

¹⁰⁵ Archaimbault c (1957), *An Preliminary Investigation of The Sam-Sams of Kedah and Perlis*. Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society / JMBRAS . Vol. XXX pt.1.

¹⁰⁶ Ramli bin Ismail (1993), *op.cit*. hlm. 15

¹⁰⁷ Ahmad Ismail & Yazid bin Mat (1992) , *op.cit* . hlm. 24 .

Faktor-faktor Penghijrahan Masyarakat Thailand ke Negeri Perlis

Terdapat beberapa faktor berlakunya penghijrahan masyarakat Thailand ke Negeri Perlis . Antaranya ialah :

- Kerana tujuan perniagaan di mana terdapat masyarakat Thailand yang berulang alik antara Thailand dan Tanah Melayu. Setelah sekian lama akhirnya mereka menetap di Negeri Perlis setelah lama berulang alik ke Negeri Perlis .
- Kerana mencari penempatan baru serta mengubah kehidupan mereka di Negeri Perlis .
- Terdapat juga yang berhijrah disebabkan pada ketika itu tentera Siam sentiasa menyerang negeri-negeri di utara Tanah Melayu dan selepas peperangan, ada dari kalangan tentera Siam yang ingin menetap di Negeri Perlis .¹⁰⁸

Kesimpulan

Masyarakat bukan Islam yang mendiami Negeri Perlis adalah satu kelompok yang berbeza dari segi adat dan cara hidup dan ini adalah penghalang kepada wujudnya perhubungan yang lebih erat antara masyarakat

¹⁰⁸ Temubual dengan En. Ahmad bin Kasim salah seorang yang berasal dari keturunan Melayu dikenali dengan orang Samsam. Beliau boleh bertutur dengan baik bahasa Thailand.

Islam dengan masyarakat bukan Islam. Walaupun sesetengah dari kalangan masyarakat Islam hidup berjiran dan mempunyai hubungan sebagai rakan karib namun dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan agama masyarakat Islam sebenarnya tidak mengambil peluang untuk cuba mendakwahkan ajaran Islam secara khusus kepada masyarakat bukan Islam. Ini disebabkan tiadanya pengalaman dan pengetahuan tentang teknik serta pendekatan yang sepatutnya diambil oleh setiap umat Islam. Oleh sebab itu aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam tidak begitu menonjol di kalangan masyarakat Islam setempat. Aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam dipertanggungjawabkan hanya kepada institusi yang terbabit secara khusus sahaja. Inilah adalah kelemahan yang terdapat di kalangan masyarakat Islam kerana ketidakmampuan mereka untuk memikul tugas sebagai pendakwah agama Islam .